

Headline	Pasang panel solar di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	25
ArticleSize	190 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 22,368		



**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat solusi tenaga hijauanya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) akan menjalin kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) bagi mengurangkan pelepasan karbon mereka menerusi pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi.

GSPARX bakal memasang sistem solar fotovoltaik 363kWp di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung dan bergantung kepada perjanjian, potensi penjimatan bil elektrik LPSB selepas pemasangan dijangka antara RM87,000 hingga RM244,000 bagi tahun pertama dan boleh mencecah RM5 juta hingga RM7.4 juta bagi tempoh 25 tahun.

Langkawi Port Sdn Bhd (LPSB), anak syarikat Lada, pengendali Kompleks Der-



MENTERI Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan (empat dari kanan) dan Megat Jalaluddin (dua dari kanan) selepas penyerahan replika Surat Niat oleh Lada kepada TNB.

## Pasang panel solar di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung

maga Tanjung Lembung.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan dalam kenyataan berkata, menerusi kerjasama strategik dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Lada menyatakan hasrat berkenaan melalui penyerahan Surat Niat dalam satu majlis yang diadakan di

kompleks berkenaan.

“TNB sedia menyumbang kepakaran dalam bidang tenaga solar menerusi GSPARX bagi membantu Lada mencapai objektif mereka untuk mengurangkan pelepasan karbon dan menjana tenaga hijau.

“Bagi mencapai aspirasi kami untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi

tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa, TNB akan terus membangunkan keupayaan yang terbukti dalam bidang panel solar fotovoltaik,” katanya.

Menurutnya, Lada dan LPSB akan menjana tenaga hijau yang bukan sahaja menyokong usaha kerajaan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca.